

KLITCC perluas potensi industri buku

» *Pertemuan penerbit, penggiat kandungan bincang hasil karya dalam teknologi moden*

Oleh **Latifah Arifin**
latifah@bh.com.my

Malaysia mungkin lebih dikenali sebagai pengimport 'tegar' dalam industri buku antarabangsa dengan membeli hak cipta dan pelesenan. Langkah mengimport pelbagai bahan bacaan ilmiah daripada penerbitan luar negara, seakan-akan melupakan peranan asal mengangkat kandungan tempatan yang berpotensi untuk pasaran dunia.

Kuala Lumpur Trade and Copyright Centre (KLITCC) 2015 yang diadakan di Kuala Lumpur, baru-baru ini, menampilkan perubahan drastik untuk memastikan penerbit tidak hanya melihat persidangan edisi ketujuh itu sebagai prospek jual beli hak cipta



Antara syarikat yang mengambil bahagian pada **KLITCC 2015** di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

[FOTO
KAMARULZAMAN
ARIFIN / BH]

sekali gus membawa penerbit bertemu dengan penggiat industri kandungan seperti animator, stesen televisyen dan pembangun aplikasi serta web.

"Kita mahu membuka perspektif baharu kepada penerbit buku bahawa naskhah mereka tidak hanya dalam satu bentuk sama, sebaliknya boleh diubah atau dipelbagaikan dalam pelbagai bentuk seperti adaptasi watak kepada pendukung komik animasi

animasi dan menarik perhatian masyarakat dunia.

"Jika Barat berupaya mengangkat kisah dongeng mereka seperti *Snow White* dan *Cinderella* dalam bentuk filem sehingga berjaya mencapai status pecah panggung di seluruh dunia, mengapa kita tidak percaya dengan cerita tempatan yang sudah pun dibuktikan melalui kejayaan animasi *Upin dan Ipin* di Indonesia," katanya.



dan pelesenan penerbitan serta penterjemahan dalam bentuk karya fizikal semata-mata.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kota Buku (PKB), Sayed Munawar Sayed Mustar, berkata pihaknya yang julung kalinya mengambil alih penganjuran itu, memperluaskan skop KLTCC untuk memperkayakan industri penerbitan dengan menggabungkan pemain dalam industri kreatif yang semakin mendahului pada era teknologi seperti e-buku, animasi, komik digital, filem dan drama.

Buka perspektif baharu

“KLTCC 2015 ialah usaha menjadikan Malaysia sebagai hab pemasaran utama bagi penerbitan dan kandungan kreatif di rantau Asia Tenggara.

“Kita tidak lagi memfokuskan perdagangan buku fizikal, sebaliknya mengetengahkan ‘buku masa depan’, iaitu bentuk digital,

atau aplikasi telefon pintar,” katanya kepada *Sastera BH*.

Eksport kearifan tempatan

Selain itu, Sayed Munawar turut melihat KLTCC sebagai jambatan menggalakkan eksport kandungan ‘Malaysia’, terutama kebijaksanaan atau kearifan tempatan yang dimiliki dalam khazanah bangsa tetapi belum diketahui masyarakat dunia.

“Kita harus akui Malaysia kurang mengeksport pengetahuan seperti itu sedangkan hakikatnya ia diperlukan dalam keadaan negara mengejar kemajuan yang direalisasikan seperti diutarakan menerusi Wawasan 2020.

“Menerusi KLTCC yang mengumpulkan lebih 20 negara Asia, PKB cuba membawa nama Malaysia ke depan dengan memperkenalkan karya tempatan seperti dongeng rakyat seperti *Si Luncai*, *Pak Pandir* dan *Sang Kancil* yang berpotensi untuk diangkat dalam projek

Penerbitan perbankan Islam

Selain itu, beliau berkata, masih banyak sektor dalam negara yang boleh diketengahkan seperti perbankan Islam tetapi penulisan mengenainya belum dihimpunkan secara terancang yang menyukarkan usaha membawa ilmu itu untuk dikongsi dengan masyarakat dunia.

Sementara itu, Presiden The Hong Kong Tradebook Publishers Association, Derek Lee, yang kali pertama menyertai KLTCC berharap ia boleh menjadi jambatan kepada pedagang industri buku dan kandungan kreatif antara Malaysia dengan Hong Kong yang menjadi ‘pintu laluan masuk’ ke pasaran lebih besar, iaitu China.

“Jumlah penduduk China kini mencecah 1.3 bilion dengan kedudukannya sebagai penerbit buku kedua terbesar dunia selepas Amerika Syarikat (AS) yang men-

janjikan peluang dan pulangan lumayan kepada pedagang dari Asia.

“Setiap tahun lebih 250,000 judul baharu dipasarkan di China yang menunjukkan sebagai pasaran sangat kompetitif, tetapi buku atau kandungan kreatif yang ditampilkan secara unik dan kena dengan selera masyarakat, ia menjanjikan peluang pelaburan memberangsangkan.

Hong Kong pintu masuk

“Bagi penerbit luar untuk memasuki China sememangnya sedikit sukar kerana dilindungi dengan peraturan tertentu, bagaimanapun Hong Kong boleh menjadi jambatan awal dalam pemasaran kerana ia dikenali sebagai pusat dagangan pelbagai produk di sana,” katanya.

Lee melihat banyak hubungan dagangan membabitkan industri buku dan kandungan kreatif boleh dibina antara Malaysia dan China

kerana mempunyai pertalian sejarah yang kuat, selain erat dalam hubungan diplomasi.

“Selepas menghadiri KLTCC 2015, saya melihat banyak bidang ilmu yang ada di Malaysia yang boleh diterokai bersama, antaranya bidang perbankan Islam yang masih belum begitu diketahui oleh masyarakat Hong Kong.

“Saya melihat Malaysia sebagai pintu kepada masyarakat antarabangsa lebih mengenali dunia Islam secara lebih dekat, terutama dalam aspek perniagaan yang begitu mendapat sambutan di Hong Kong,” katanya.

Tambahnya, KLTCC 2015 amat membantu pedagang daripada negara Asia yang mencari potensi melalui produk baharu, mengenali pasaran dan bahan atau karya penting yang ditonjolkan oleh setiap peserta terbabit, sekali gus menjadi penghubung kepada penerbit dan penggiat industri kreatif secara tersusun.



“
Saya melihat Malaysia sebagai pintu kepada masyarakat antarabangsa lebih mengenali dunia Islam secara lebih dekat, terutama dalam aspek perniagaan yang begitu mendapat sambutan di Hong Kong”

Derek Lee,
Presiden The Hong Kong Tradebook Publishers Association

“
KLTCC 2015 ialah usaha menjadikan Malaysia sebagai hab pemasaran utama bagi penerbitan dan kandungan kreatif di rantau Asia Tenggara”

Sayed Munawar Sayed Mustar,
Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kota Buku

